

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak kes yang telah dilapor dengan penguatkuasaan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 dan berapa banyak kes yang telah dibawa ke mahkamah dan selesai.

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seksyen 4 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] berkaitan kesalahan pengubahan wang haram memperuntukkan yang berikut:

*“4. (1) Mana-mana orang yang -*

*(a) melibatkan diri, atau cuba untuk melibatkan diri dalam; atau*

*(b) bersubahat dengan pelakuan,*

*pengubahan wang haram melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.*

*(2) Seseorang boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) tanpa mengira sama ada terdapat suatu sabitan berkenaan dengan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing atau suatu pendakwaan telah dimulakan bagi pelakuan suatu kesalahan berat atau kesalahan berat asing.”*

2. Kertas siasatan berkenaan kes di bawah seksyen 4 Akta 613 yang lengkap disiasat akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk diteliti. Keputusan sama ada pertuduhan dibuat atau sebaliknya akan dibuat selepas keterangan atau bukti yang dikemukakan diteliti dan dipertimbangkan. Hanya apabila Pendakwa Raya berpuas hati bahawa keterangan yang dikumpul adalah kukuh bagi membuktikan suatu kesalahan, maka barulah suatu pertuduhan akan dibuat di mahkamah.

3. Dari tahun 2004 hingga 2014, seramai 195 orang telah dipertuduh di mahkamah. Daripada jumlah tersebut –

(a) seramai 78 orang telah selesai dibicarakan dan didapati bersalah;

(b) seramai 79 orang lagi masih dibicarakan di mahkamah; dan

(c) seramai 38 orang dibebaskan oleh mahkamah.

4. Daripada 38 orang yang dibebaskan, pihak pendakwaan telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan untuk membebaskan 23 orang, yang daripadanya rayuan terhadap 11 orang telah dibenarkan manakala rayuan terhadap 12 orang lagi masih berterusan.

5. Bagi 12 orang lagi yang telah dibebaskan oleh mahkamah, pihak pendakwaan tidak mengemukakan rayuan kerana dapatan

mahkamah adalah bahawa tiada keterangan kukuh untuk membuktikan suatu kesalahan telah dilakukan. Keputusan mahkamah membebaskan tanpa melepaskan 3 lagi orang tertuduh tidak dirayu oleh pihak pendakwaan kerana 3 orang yang berkeenaan tidak dapat dikesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIM TONG HIM  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Sim Tong Him** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan:

- a) tentang kedudukan dan pencapaian projek Tahun Melawat Malaysia 2014, apakah kesan-kesan buruk yang merosakan usaha kementerian dalam projek ini; dan
- b) apakah impak dari tragedi MH370 dan kes penculikan orang asing di Sabah kepada sektor pelancongan dan nyatakan usaha Kementerian untuk mengatasi keadaan ini.

**JAWAPAN :**     **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a)

Sejak pelancaran kempen Tahun Melawat Malaysia 2014 yang diadakan pada 4 Januari 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program bagi menggalakkan kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

Bagi bulan Januari tahun 2014, negara telah mencatatkan kedatangan seramai 2,447,397 pelancong asing yang melawat Malaysia. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak +18.2% berbanding sejumlah 2,070,394 orang pelancong asing yang melawat Malaysia pada bulan Januari tahun 2013.

Sehingga 31 Disember 2013, sebanyak 1,422 pakej Tahun Melawat Malaysia 2014 telah dibangunkan oleh Tourism Malaysia. Melalui pakej-pakej ini, dicatatkan seramai 478,171 pelancong telah membeli pakej-pakej ini dari rantau pasaran yang berbeza dengan jumlah pendapatan yang dihasilkan adalah sebanyak RM1.15billion. Tourism Malaysia juga telah melancarkan "**VMY 2014 Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages**" pada 18 Februari 2014 yang lalu dimana sebanyak 1,030 pakej pelancongan domestik dibangunkan bersama 297 ejen dan pengendali tempatan. Sehingga 31 Mac 2014, dicatatkan seramai 2,516 telah membeli pakej pelancongan tersebut dengan jumlah nilai pakej yang dijual adalah sebanyak RM1.08 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

b)

Insiden MH370 dan penculikan telah memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada sektor pelancongan Malaysia terutamanya bagi kedatangan pelancong dari negara China. Sehingga bulan April, tempahan kedatangan pelancong yang dibatal atau ditangguh dilaporkan telah mencatat sebanyak 30,000 tempahan.

Bagi memulihkan keadaan ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengambil langkah-langkah yang strategik bagi pasaran China dan Asia Timur seperti berikut:

- i) Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Krisis pada 18 Mac 2014 yang diketuai oleh Pejabat Tourism Malaysia di Beijing, Shanghai dan Guangzhou. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk berinteraksi secara aktif dengan para pengusaha pelancongan di pasaran ini;
- ii) Tourism Malaysia telah mengadakan lawatan kerja ke negara Taiwan, China dan Hong Kong dari 10 hingga 18 Mac 2014. Perjumpaan bersama wakil-wakil kanan kerajaan serta pengusaha industri pelancongan turut diadakan semasa lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi keyakinan kepada warga China untuk melancong ke Malaysia;
- iii) Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah mengetuai rombongan ahli parlimen membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 10 April 2014 bagi menzahirkan keprihatinan dan rasa simpati Kerajaan Malaysia terhadap keluarga warga China yang terlibat dan juga berterima kasih kepada

Kerajaan China bagi bantuan yang telah diberikan. Secara timbal balik, Duta Besar China ke Malaysia juga telah membuat kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia pada 22 April 2014 bagi menegaskan hubungan persahabatan Malaysia-China dan Perjumpaan Dua Hala ini dapat membantu mengurangkan tanggapan negatif rakyat China kepada Malaysia;

- iv) Pengerusi Tourism Malaysia juga membuat kunjungan hormat kepada Duta Besar China ke Malaysia pada 12 Mei 2014 untuk membincangkan isu keselamatan yang membabitkan warga China di Malaysia selepas insiden MH370 serta kes penculikan pelancong asing di Semporna dan Lahad Datu;
- v) Tourism Malaysia menganjurkan program *CEO MegaFam* kepada agensi pelancongan China yang utama untuk membuat tinjauan produk pelancongan ke Malaysia dengan menggunakan perkhidmatan syarikat penerbangan MAS. Program yang berlangsung sejak 26 April hingga 3 Mei 2014 ini bertujuan khas untuk memulihkan keyakinan *CEO* agensi pelancongan China terhadap Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang selamat untuk dikunjungi;
- vi) Pada 20 Mei 2014, Tourism Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan pihak syarikat penerbangan utama China, Air China yang berhasrat untuk mengadakan penerbangan terus antara Beijing dan Kuala Lumpur pada masa terdekat serta mengadakan perkhidmatan *charter* (Sewa Khas). Bagi tujuan tersebut, pihak Air China telah



memberikan maklumbalas yang positif untuk merealisasikan perkhidmatan penerbangan *charter*;

vii) Mengadakan usahasama dengan agensi pelancongan China untuk melancarkan penerbangan *charter* (Sewa Khas) secara jangka panjang dari bandar-bandar *2nd Tier* dan *3rd Tier*. Dalam pada itu, Tourism Malaysia sedang mengadakan perbincangan dengan Hubei Wanda New Airlines Travel Services mengenai penerbangan *charter* sektor Wuhan – Kuala Lumpur selama setahun dengan penerbangan 3 kali seminggu;

viii) Penglibatan Tourism Malaysia secara tidak langsung telah membantu mempercepatkan kedatangan dua ekor beruang panda gergasi ke Malaysia yang tiba pada 20 Mei 2014 sempena Ulangtahun ke-40 hubungan Malaysia dan China. Publisiti kedatangan panda ke Malaysia telah tersebar secara meluas di China, Malaysia dan media antarabangsa. Ini menunjukkan sebagai tanda persahabatan China-Malaysia yang dapat membantu mengembalikan keyakinan pelancong China ke Malaysia; dan

ix) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia turut mengadakan lawatan ke Negara China pada 26 Mei hingga 1 Jun 2014 sempena ulangtahun ke-40 hubungan persahabatan dua hala antara Malaysia dan China yang akan memberi keyakinan kepada pelancong China untuk datang melancong ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN : 111**

**Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang membenteng Laporan Kertas Putih di Parlimen mengenai insiden kehilangan misteri pesawat MH 370, dan bila.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kerajaan pada masa ini belum memutuskan samada untuk membentangkan Kertas Putih di Parlimen atau menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ataupun menubuhkan Jawatankuasa Khas Parlimen susulan dari insiden ini. Keputusan mengenainya akan dibuat setelah pesawat yang hilang ditemui dan siasatan mengenai insiden dijalankan dan punca tragedi dikenalpasti. Usaha mencari pesawat MH370 akan diteruskan.